

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan akan menyemak semula gaji kakitangan awam terutamanya kakitangan peringkat rendah.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menjalankan kajian dan semakan terhadap gaji penjawat awam secara keseluruhan yang turut meliputi gaji penjawat awam di peringkat terendah (Gred 11). Namun begitu, pelaksanaan hasil kajian adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Pada masa ini, jumlah pendapatan minima bagi gred terendah dalam Perkhidmatan Awam iaitu pegawai di Gred 11 dengan kelayakan masuk PMR adalah sebanyak RM1,257.00. Pendapatan ini meliputi;

- (a) Gaji Pokok sebanyak RM832; dan
- (b) Elaun-elaun lain iaitu Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Khidmat Awam dan Bantuan Sara Hidup sebanyak RM425.

Jumlah pendapatan minimum ini adalah lebih tinggi berbanding purata pendapatan garis kemiskinan tahun 2012.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (35)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 10 JUN 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dalam membantu Kerajaan mengatasi kekurangan perumahan mampu milik dalam bandar dan apakah perancangan pihak Kementerian pada masa akan datang.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim *MyHome* menawarkan insentif sebanyak RM30,000 seunit yang memberi faedah kepada pembeli rumah yang berpendapatan isi rumah di antara RM3,000 hingga RM6,000 sebulan selain daripada memberi faedah kepada pemaju swasta. Pembayaran RM30,000 ini adalah termasuk bayaran deposit sebanyak 10% kepada pembeli apabila Surat Perjanjian Jual Beli ditandatangani.

Pada tahun 2014, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM300 juta bagi pembinaan 10,000 unit rumah Skim *MyHome* di seluruh Negara dan ini bermakna 10,000 pembeli rumah akan mendapat manfaat daripada skim ini.

Sehingga 30 April 2015, program ini telah menarik sebanyak 93 permohonan pemaju perumahan bagi membina sebanyak 24,279 unit rumah Skim *MyHome*. Daripada jumlah tersebut, Kementerian

Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan sebanyak 10,000 unit rumah kepada 31 pemaju perumahan.

Sebelum mana-mana permohonan pemaju diluluskan, KPKT akan menjalankan kajian dan lawatan ke tapak supaya rumah-rumah yang akan dibina di bawah skim ini berada di lokasi yang strategik bagi memenuhi keperluan pembeli rumah.